

KPT mantapkan pelan strategik

SH 15/07/08 pg. N3

Seramai 1,616 pelajar berjaya menghabiskan pengajian masing-masing dalam semua program iaitu 116 orang pelajar diploma, 1,340 pelajar peringkat ijazah, Sarjana Sains pula 42 orang manakala doktor falsafah seramai empat orang.

■ W. SAIDATUL FADZILAH
W. NAJEMUDIN

KUALA TERENGGANU – Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sedang membuat persiapan mantap untuk mentransformasikan struktur, proses serta fungsi Pelan Strategik Pengajian Tinggi untuk memastikannya berjalan lancar.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, bagi menjayakan Pelan Strategik ini, ia akan melalui beberapa fasa bermula tahun 2007 hingga 2020.

Fasa pertama ialah peleta-

kan asas bermula tahun lepas sehingga 2010, fasa kedua melibatkan peningkatan dan pemerkasaan yang akan berjalan dalam tempoh lima tahun selepas itu, fasa ketiga menumpukan kepada aspek kecemerlangan (2016 hingga 2020) dan fasa keempat melangkaui kegemilangan dan kelestarian melangkaui 2020.

“Faktor kritikal yang menjadi penentu kepada kejayaan fasa ini ialah tadbir urus yang berakauntabiliti, budaya bersaing, memperkasa infrastruktur fizikal dan bukan fizikal serta kekuatan pembiayaan,” katanya ketika berucap pada Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Terengganu (UMT) Keenam, di Dewan Sultan Mizan, UMT, semalam.

Canselor UMT, Raja Permaisuri Agong Tuanku Nur Zahirah mencemar duli ke majlis tersebut bersama dengan Canselor Pertama UMT, Yang di-Pertuan Agong Tuanku Mizan Zainal Abidin sete-

rusnya mengisytiharkan Majlis Konvokesyen dibuka.

Seramai 1,616 pelajar berjaya menghabiskan pengajian masing-masing dalam semua program iaitu 116 orang pelajar diploma, 1,340 pelajar peringkat ijazah, Sarjana Sains pula 42 orang manakala doktor falsafah seramai empat orang.

Pada majlis tersebut, empat pelajar terbaik iaitu Mohd Uzair Rusli dan Christopher Tan Yuet Han, masing-masing dari Sarjana Muda Sains mendapat Anugerah Pelajaran Diraja Bumiputera dan Bukan Bumiputera, Nurul Haqimin Mohd Salleh mendapat Anugerah Pingat Emas Canselor dan Mustafa Mamat (Anugerah Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti).

Tan Sri Datuk Dr Ahmad Mustaffa Babjee pula dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Sains oleh UMT memandangkan sumbangannya yang amat bermakna dalam sejarah penubuhan UMT.



Pemenang anugerah dan hadiah UMT bergambar selepas Majlis Konvokesyen UMT Keenam, semalam. (Dari kiri) Mohd Uzair Rusli, Christopher Tan Yuet Han, Dr Mustafa Mamat, Nurul Haqimin dan Pritbha Vashi Purswani (cemerlang Sarjana Muda Pengurusan Pemasaran).

Selain itu, dalam kenyataan yang sama, Mohamed Khaled berharap supaya semua pihak memberi komitmen sepenuhnya bagi memastikan agenda pendidikan negara akan terlaksana.

“Saya juga ingin melahirkan harapan untuk melihat UMT sebagai sebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) terunggul dan tersohor di Pantai Timur khususnya dan sentiasa

menjadi tempat terbaik dalam arena pembelajaran, pengajaran, penyelidikan yang dapat membantu negara dalam menjana kecemerlangan kualiti pendidikan negara,” ujarnya.